



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

# PERLAKSANAAN ELEMEN MERENTAS KURIKULUM KEUSAHAWANAN DALAM PENDIDIKAN SENI VISUAL SEKOLAH RENDAH



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ii

## PERLAKSANAAN ELEMEN MERENTAS KURIKULUM KEUSAHAWANAN DALAM PENDIDIKAN SENI VISUAL SEKOLAH RENDAH

SUMIYAH YAHAYA



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## LAPORAN DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (SENI) MOD PENYELIDIKAN

FAKULTI SENI KOMPUTERAN DAN INDUSTRI KREATIF  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**Sila tanda (/)**

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

/

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH****PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada ...**14**...(hari bulan)...**November**.... (bulan) **2021**

**i. Perakuan pelajar:**

Saya, **Sumiyah binti Yahaya** dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk **Perlaksanaan Elemen Merentas Kurikulum Keusahawanan dalam Pendidikan Seni Visual Sekolah Rendah** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.

**Sumiyah****Tandatangan pelajar****ii. Perakuan Penyelia:**

Saya, **Dr Azlin Iryani binti Mohd Noor** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **Perlaksanaan Elemen Merentas Kurikulum Keusahawanan dalam Pendidikan Seni Visual Sekolah Rendah** dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh **Ijazah Sarjana Pendidikan (Seni)**.



DR. AZLIN IRYANI BINTI MOHD NOOR  
PENSYARAH KULIAH  
Jabatan Seni dan Reka bentuk  
Fakulti Seni, Komputer dan Industri Kreatif  
Universiti Pendidikan Sultan Idris

**14 November 2021****Tarikh****Tandatangan Penyelia**



## BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /  
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

### **BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Perlaksanaan Elemen Merentas Kurikulum Keusahawanan dalam  
Pendidikan Seni Visual Sekolah Rendah

Tajuk / Title:

No. Matrik / Matric's No.:

M20181000070

Saya / I :

Sumiyah binti Yahaya

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)\* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

*acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-*

- 05-4506832
1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.  
*The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris*
  2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan  
*Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.*
  3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajaran Tinggi.  
*The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.*
  4. Sila tandakan ( ✓ ) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick ( ✓ ) for category below:-



**SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972.



**TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah diberikan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.



**TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**



**Sumiyah**

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyeira / Signature of Supervisor)  
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: 14 November 2021

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkewajibansasi berkemas dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu diketaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

*Note: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.*





## PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syukur Alhamdulillah ke hadrat Allah S.W.T, kerana di atas limpah dan kurniaNya, maka dapatlah saya menyiapkan kajian ini dengan jayanya walaupun menempuh pelbagai dugaan dan rintangan. Alhamdulillah. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr Azlin Iryani Mohd Noor dan Dr Abdul Aziz Zalay, selaku penyelia saya di atas kesabaran, sokongan, nasihat dan bimbingan yang diberikan banyak membantu kepada kejayaan dalam penghasilan kajian ini. Segala bantuan, semangat, strategi dan kebijaksanaan beliau telah banyak mengajar saya untuk menjadi seorang penyelidik dan pendidik yang baik. Tidak dilupakan kepada barisan pensyarah dan rakan seperjuangan di Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif, Universiti Pendidikan Sultan Idris yang sudi berkongsi pengalaman sepanjang pengajian ini. Segala pengalaman yang dilalui pasti tidak dapat dilupakan. Terima kasih juga kepada pihak SK Batu Balai Jerantut Pahang kerana telah memberi sokongan penuh dalam kerja lapangan dan memudahkan proses untuk mendapat data. Ribuan terima kasih kepada ibu yang saya hormati, Pn Jaleha Ibrahim yang sentiasa memberi kasih sayang, dorongan, doa, peringatan dan panduan hidup yang amat saya perlukan. Ucapan terima kasih kepada Suami tercinta, Mohd Suhardi Rashid dan anakanda tersayang Nur sa'adah serta seluruh keluarga atas kesabaran, sokongan, bantuan, toleransi, cinta dan doa kalian, sehingga kajian dan pengajian ini dapat disempurnakan dengan jayanya. Sesungguhnya segala pengorbanan yang telah dilakukan amat saya sanjungi dan akan saya ingati sepanjang hayat ini. Akhir kata, ucapan terima kasih juga kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memberikan sumbangan cadangan dan bantuan dalam menyiapkan kajian ini. Semoga kajian ini dapat dijadikan wadah ilmu yang berguna untuk tatapan generasi akan datang.





## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti perlaksanaan Elemen Merentas Kurikulum Keusahawanan dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual sekolah rendah. Kajian ini memberi tumpuan terhadap aplikasi Buku Panduan Elemen Merentas Kurikulum Keusahawanan yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia terbitan Bahagian Pembangunan Kurikulum pada tahun 2012. Kajian ini memfokuskan kepada lima Elemen yang terkandung dalam Buku Panduan Elemen Merentas Kurikulum Keusahawanan seperti yang disarankan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan rekabentuk kajian kes ke atas sebuah sekolah kategori luar bandar. Peserta kajian terdiri daripada 30 orang murid dan 10 orang guru. Selain penerapan elemen merentas kurikulum dalam proses pengajaran dan pembelajaran, peserta kajian turut terlibat dalam aktiviti karnival keusahawanan di peringkat Daerah dengan membuat jualan karya seni yang hasilkan. Instrumen temu bual dan pemerhatian digunakan dalam kajian ini untuk mendapatkan data. Data dianalisis secara deskriptif menggunakan kaedah analisis kandungan berdasarkan indikator yang ditetapkan dalam Buku Panduan Elemen Merentas Kurikulum Keusahawanan. Dapatkan menunjukkan hampir kesemua peserta kajian mampu menguasai keseluruhan Elemen Merentas Kurikulum Keusahawanan yang disarankan. Berdasarkan analisis naratif terhadap perserta kajian menunjukkan bahawa penggunaan Buku Panduan Elemen Merentas Kurikulum Keusahawanan berjaya memberi impak positif ke arah kemenjadian murid yang holistik. Kajian ini mencadangkan agar penggunaan Buku Panduan Elemen Merentas Kurikulum Keusahawanan diperluaskan penggunaannya, khususnya dalam kalangan guru untuk dijadikan sebagai garis panduan dalam menyulam nilai keusahawanan agar aktiviti pengajaran dan pembelajaran lebih menarik dan bermakna.





## THE IMPLEMENTATION OF ENTREPRENEURSHIP CROSS-CURRICULAR ELEMENTS IN THE VISUAL ARTS EDUCATION IN PRIMARY SCHOOL

### ABSTRACT

This study aims to identify the implementation of Entrepreneurship Cross-Curricular Elements in the Visual Arts Education in primary school. This study focuses on the application of the 'Buku Panduan Elemen Merentas Kurikulum Keusahawanan' provided by the Ministry of Education Malaysia published by the Malaysia Curriculum Development Division in 2012. This study focuses on the five Elements contained in the handbook as suggested in the teaching and learning process. This study uses a qualitative approach with a case study design on a rural category school. Study participants consisted of 30 students and 10 teachers. In addition to the application of cross-curricular elements in the teaching and learning process, study participants are also involved in entrepreneurial carnival activities at the District level by selling the artwork produced. Interview and observation instruments were used in this study to obtain data. Data were analyzed descriptively using the content analysis method based on the indicators set out in the Entrepreneurship Cross Curricular Handbook. Findings show that almost all study participants are able to master the entire Entrepreneurship Cross-Curriculum Elements recommended. Based on the narrative analysis of the study participants shows that the use of the handbook successfully has a positive impact towards producing a successful and holistic student. This study suggests that the use of the 'Buku Panduan Element merentas Kurikulum Keusahawanan' is extended to its users, especially among teachers, as a guideline in embroidering entrepreneurial values so that teaching and learning activities are more interesting and meaningful.





## ISI KANDUNGAN

### Muka Surat

<b>PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN</b>	iii
<b>BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS</b>	iv
<b>PENGHARGAAN</b>	v
<b>ABSTRACT</b>	
vii	
<b>ABSTRACT</b>	vii
<b>ISI KANDUNGAN</b>	viii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xiv
<b>SENARAI CARTA</b>	xv
<b>SENARAI RAJAH</b>	xvi
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xvii



## BAB 1 PENGENALAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Penyataan Masalah	3
1.4 Tujuan Kajian	5
1.5 Objektif Kajian	6
1.6 Persoalan Kajian	7
1.7 Kepentingan Kajian	7
1.8 Definisi Istilah	8
1.8.1 Keberkesanan	9





1.8.2	Kemahiran Keusahawanan	9
1.8.3	Pendidikan Seni	9
1.8.4	Murid	10
1.9	Skop Kajian	11
1.9.1	Pendedahan dan amalan kepada sikap keusahawanan (EK1)	11
1.9.2	Latihan Cara Berfikir ke Arah Keusahawanan (EK2)	11
1.9.3	Pengurusan Asas Jual Beli yang Mudah (EK3)	12
1.9.4	Menghasilkan Produk berdasarkan Pengetahuan serta Kemahiran dan Teknologi (EK4)	12
1.9.5	Nilai Moral dan Etika yang Baik dalam Konteks Keusahawanan (EK5)	13
1.10	Batasan Kajian	13
1.11	Rumusan	15

## BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	16
2.2	Transformasi Kurikulum Kebangsaan	16
2.3	EMK dalam KSSR	22
2.4	Pengenalan kepada Pendidikan Seni Visual (PSV)	27
2.5	Pendidikan Seni Visual dalam KSSR	28
2.5.1	Matlamat Pendidikan Seni Visual Sekolah Rendah	29
2.5.2	Objektif Pendidikan Seni Visual	30
2.5.3	Kandungan Kurikulum Pendidikan Seni Visual	30
2.6	Keusahawanan	35





2.7	EMK Keusahawanan	35
2.8	Kepentingan EMK Keusahawanan	38
2.9	Buku Panduan Elemen Merentas Kurikulum Keusahawanan	40
2.10	Penerapan EMK Keusahawanan dalam Pendidikan Seni Visual	42
2.11	Kajian Literatur	43
2.11.1	Penerapan Kemahiran Seni Visual dalam Kalangan Pelajar Sekolah	43
2.11.2	Penerapan Kemahiran Keusahawanan dalam Kalangan Pelajar Sekolah	45
2.11.3	Penerapan Kemahiran Keusahawanan dalam Kalangan Pelajar IPT	46
2.11.4	Persediaan Guru dalam Penerapan Kemahiran Keusahawanan	
2.11.5	Pendekatan Kepelbagai Kaedah Pengajaran dan Keberkesanannya	54
2.11.6	Faktor Kejayaan Penerapan Kemahiran Keusahawanan	57
2.11.7	Halangan dan Cabaran Penerapan Keusahawanan	59
2.11.8	Elemen Keusahawanan Berteraskan Prinsip Islam	59
2.11.9	Penerimaan Pembelajaran Berdasarkan Jantina	61
2.11.10	Rumusan	62
2.12	Kesimpulan	62

### **BAB 3 METODOLOGI**

3.1	Pengenalan	65
3.2	Reka Bentuk Kajian	66





3.3	Kaedah Kajian	67
3.4	Teknik Pengumpulan Data	70
3.4.1	Temu bual	70
3.4.2	Pemerhatian	71
3.4.3	Kajian Dokumen	72
3.4.4	Kepustakaan	72
3.4.5	Kajian Rintis	73
3.5	Peserta Kajian	74
3.6	Batasan Kajian	75
3.6.1	Batasan Lokasi Kajian	75
3.6.2	Batasan Peserta Kajian	75
3.6.3	Batasan Masa	76
3.7	Etika Penyelidikan Melibatkan Manusia	76
3.8	Kaedah Analisis Data	77
3.8.1	Analisis Data Temu bual	78
3.8.2	Analisis Data Pemerhatian	81
3.8.3	Analisis Data Dokumen	83
3.9	Rumusan	83

## BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	85
4.2	Analisa Temu bual Berstruktur	86
4.2.1	Persediaan Guru dalam Menggunakan Buku Panduan Elemen Merentas Kurikulum Keusahawanan semasa Pengajaran dan Pembelajaran	86





4.3 Aktiviti Penerapan EMK Keusahawanan dalam Seni Visual	
Tahun 3	91
4.3.1 Bentuk Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran Seni	
Visual yang dapat Meningkatkan Kemahiran	
Keusahawanan dalam kalangan Murid	91
4.3.2 Penerapan Elemen Merentas Kurikulum Keusahawanan	
dalam Pendidikan Kesenian Komponen Seni Visual	
Tahun 3	97
4.4 Analisis pemerhatian indikator kejayaan penerapan elemen	
merentas kurikulum keusahawanan dalam matapelajaran	
pendidikan kesenian komponen seni visual Tahun 3	110
4.4.1 Latar Belakang Responden	111
4.4.2 Indikator Pencapaian Responden	111
4.4.3 Analisis Deskriptif Pencapaian 30 Orang Responden	
terhadap Indikator Kejayaan Penguasaan Elemen	
Keusahawanan	112
4.4.4 Purata Keseluruhan Pencapaian Responden Terhadap	
Indikator Kejayaan Penguasaan Elemen Keusahawanan	117
4.5 Huraian temu bual separa berstruktur	121
4.5.1 Maklumat latar belakang pemerhati /Responden	121
4.5.2 Pendapat Responden	122
4.5.3 Cadangan dan Ulasan	122

## BAB 5 RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1 Pendahuluan	125
-----------------	-----





5.2 Perbincangan Dapatan Kajian	126
5.2.1 Mengenal pasti Kesediaan Guru dalam Menggunakan Buku Panduan Elemen Merentas Kurikulum Keusahawanan dalam PdPc bagi perlaksanaan pendekatan keusahawanan	127
5.2.2 Mengenal Pasti Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran Seni Visual yang dapat Meningkatkan Kemahiran Keusahawanan dalam Kalangan Murid	128
5.2.3 Indikator Kejayaan Penerapan Elemen Merentas Kurikulum Keusahawanan dalam Matapelajaran Pendidikan Seni Visual Tahun 3	129
5.3 Kesimpulan	129
5.4 Cadangan	130
5.4.1 Cadangan kepada Guru	130
5.4.4 Kementerian Pendidikan Malaysia	132
5.5 Penutup	133
<b>BIBLIOGRAFI</b>	<b>134</b>
<b>LAMPIRAN</b>	<b>139</b>





## **SENARAI JADUAL**

<b>No. Jadual</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Muka Surat</b>
2.1	Perbandingan KSSR Dengan KSSR (Semakan 2017)	20
3.1	Sampel Kajian Berdasarkan Jantina	75
4.1	Senarai Nama Responden dalam Kalangan Guru	88
4.2	Senarai Nama Responden	122





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

XV

## SENARAI CARTA

No. Carta	Tajuk	Muka Surat
3.1	Pelaksanaan Kajian	84



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



## SENARAI RAJAH

No. Rajah	Tajuk	Muka Surat
2.1	Elemen Keusahawanan	37
4.1	Kerangka Teoritikal Kajian diadaptasi dari Model Pembelajaran Kolb	94
4.2	Pendekatan Pengintegrasian	103
4.3	Pendekatan Pengaplikasian	107





## **SENARAI LAMPIRAN**

<b>No. Lampiran</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Muka Surat</b>
1	Borang Pemerhatian Indikator Penerapan EMK Keusahawanan	139
2	Borang Temubual Berstruktur	144
3	Borang Temubual Separa Berstruktur	147
4	Soalan Temubual	150
5	Foto Kajian Lapangan	151





## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 Pengenalan

Pengetahuan terhadap ilmu keusahawanan adalah penting dalam peradaban dunia pada masa kini. Menurut Oswald (2019), pendidikan keusahawanan dapat membangkitkan kompetensi keusahawanan dalam kalangan belia bagi aspek perilaku, memulakan dan menguruskan perniagaan. Pengetahuan ini juga akan menjadi pemangkin kepada perubahan dan perkembangan ekonomi yang membawa kepada pengwujudan pekerjaan baru di samping mengurangkan kadar pengangguran. Oleh itu, pendedahan terhadap ilmu keusahawanan sebagai nilai tambah wajar disemai di peringkat awal persekolahan agar dapat memupuk minat dan memberi pengalaman praktikal melalui aktiviti keusahawanan dalam kalangan murid.

Di Malaysia, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah memasukkan pendidikan keusahawanan di dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) dan sejak awal tahun 1990-an. Kemahiran Hidup Bersepadu Sekolah Menengah Rendah dan Kemahiran Hidup Sekolah Rendah adalah merupakan subjek yang berkaitan dengan tajuk





keusahawanan yang diajari. Manakala subjek Asas Keusahawanan dan Perdagangan merupakan matapelajaran yang diajari di sekolah menengah atas berkenaan tajuk keusahawanan. Penekanan yang diberikan kepada murid-murid dalam kurikulum ini adalah ke arah proses mentadbir dan menguruskan perniagaan.

Objektif mata pelajaran Pendidikan Seni Visual atau Pendidikan Kesenian di rendah sekolah berperanan dalam memberikan ruang dan peluang pemupukan minat, alam sekitar serta hubungannya dengan mata pelajaran lain, kepekaan terhadap nilai-nilai kesenian, memberi kesedaran dan memperkembangkan keperibadian kepada murid-murid. Oleh itu, aktiviti pembelajaran yang disusun dalam perlulah berkaitan dengan penglibatan dan penerokaan murid dalam pelbagai kegiatan seni termasuklah aspek keusahawanan bagi melihat potensi kebolehpasaran produk atau karya seni yang dihasilkan. Elemen keusahawanan yang diterapkan dalam aktiviti pembelajaran PSV ini akan mendorong murid untuk berfikir secara lebih kreatif dan inovatif dalam proses menghasilkan karya selari dengan keperluan pasaran.

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Pada tahun 2011, KSSR iaitu Kurikulum Standard Sekolah Rendah telah diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia menggantikan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR). Sehubungan dengan itu, bermula Tahun 2017, KSSR juga telah mengalami beberapa perubahan. Antaranya dari aspek Elemen Merentas Kurikulum (EMK).





EMK merujuk kepada kaedah penambahan unsur nilai tambah dalam penerapan proses pemudahcaraan dan pengajaran (PdPc) selain daripada penetapan berdasarkan Standard Kandungan. Penerapan elemen ini adalah untuk mengukuhkan keterampilan modal insan dan kemahiran yang dihasratkan, selain dapat mendepani halangan semasa pada waktu yang akan datang. Sehingga kini EMK dalam KBSR dan KBSM masih diguna pakai dalam pelaksanaan KSSR Semakan 2017 dan KSSM.

Umum sedia maklum, dalam KSSR, terdapat enam Elemen Merentas Kurikulum sahaja iaitu Bahasa, Patriotisme, Nilai Murni, Kelestarian Alam Sekitar, Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) serta Sains dan Teknologi. Namun, dalam KSSR Semakan, terdapat pertambahan empat lagi Elemen Merentas Kurikulum, iaitu Keusahawanan, Inovasi dan Kreativiti, Kelestarian Global dan Pendidikan Kewangan. Setelah menjalankan penelitian, maka pertambahan nilai keusahawanan ini telah membuktikan bahawa EMK keusahawanan kini sedang menjadi antara fokus utama yang dititik beratkan oleh Kementerian Pendidikan dalam Pendidikan Alaf 21.

### **1.3 Penyataan Masalah**

Usaha menerapkan elemen keusahawanan dalam kalangan murid perlu dilaksanakan secara konsisten demi menyumbangkan kepada peluang pekerjaan pada abad ke 21 (Nurazlina, 2011). Bidang keusahawanan penting untuk diterapkan disekolah untuk melahirkan lebih ramai murid yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran serta minat untuk menceburi bidang perniagaan. Kerajaan turut menggariskan Dasar Keusahawanan Negara 2030 DKN 2030 yang mempunyai matlamat untuk





menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara keusahawanan yang unggul menjelang tahun 2030. Oleh itu, pendedahan terhadap bidang keusahawanan perlu bermula di bangku sekolah rendah melalui pendidikan formal dan tidak formal.

Hal ini selari dengan kenyataan Halimah (1995) yang menyatakan bahawa pendedahan golongan kanak kanak terhadap bidang usahawan amatlah penting untuk membuka minda mereka dalam bidag perniagaan. Usaha Kementerian Pendidikan untuk menerapkan elemen keusahawanan di peringkat sekolah rendah ini dapat dikenal pasti melalui penghasilan Buku Panduan Elemen Merentas Kurikulum Keusahawanan (2012). Buku ini mengandungi indikator yang dapat diguna pakai oleh guru sebagai panduan dan alat penentu ukur keberkesanan penerapan elemen tersebut dalam proses pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc).



Walau bagaimanapun, berdasarkan tinjauan awalan yang dijalankan oleh pengkaji ke atas guru guru Pendidikan Seni di sebuah daerah mendapati bahawa hanya 15 daripada 42 orang guru yang mengetahui dan mengaplikasikan penggunaan buku ini dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Perkara ini disebabkan oleh kurangnya pendedahan dan penekanan kepada guru untuk menggunakan buku panduan tersebut. Secara tidak langsung, hal tersebut telah membantutkan usaha murni Kementerian Pendidikan untuk melestarikan konsep keusahawanan dalam kalangan murid sekolah rendah.

Berdasarkan faktor tersebut, pengkaji melihat potensi untuk menjalankan kajian keberkesanan penggunaan Buku Panduan Elemen Merentas Kurikulum Keusahawanan dalam kalangan Guru Pendidikan Seni Visual Tahun 3. Ini juga





selaras dengan saranan kerajaan untuk memberi pendedahan dan membantu guru dalam menerapkan elemen keusahawanan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Dapatkan kajian dijangka dapat mempromosikan penggunaan buku ini sebagai garis panduan dalam memperkasakan penerapan elemen keusahawanan dalam proses pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan murid secara formal dan tidak formal. Hal ini selari dengan teras pertama Dasar Keusahawanan Nasional (DSN) 2023 bagi membudayakan keusahawanan kepada segenap masyarakat, seterusnya menyokong sistem pendidikan negara untuk menghasilkan pembangunan modal insan yang dapat menangani keperluan era globalisasi dan k-ekonomi di Malaysia.

#### **1.4 Tujuan Kajian**

Pemupukan budaya keusahawanan secara formal dan tidak formal dalam PdPc adalah penting bagi membentuk generasi berwawasan. Generasi berwawasan yang diaspirasikan oleh Kementerian Pendidikan perlulah mempunyai nilai moral dan etika yang baik, bersemangat positif, pemikiran inovatif, kreativiti, berkomunikasi, kemahiran berfikir, dan aspek pengetahuan yang kukuh dalam bidang keusahawanan. Untuk itu, guru perlulah bersedia dan mempunyai pengetahuan terhadap bidang keusahawanan. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti kesediaan guru dalam menggunakan Buku Panduan Elemen Merentas Kurikulum Keusahawanan dalam PdPc bagi perlaksanaan pendekatan keusahawanan.

Hal ini bertujuan untuk memastikan bahawa buku panduan yang dibekalkan oleh KPM dapat dimaksimumkan penggunaannya untuk membantu guru mendapatkan idea dan informasi berkaitan aktiviti PdPc yang relevan. Kajian ini akan





menumpukan kepada matapelajaran Pendidikan Seni Visual mengenai pasti aktiviti pengajaran dan pembelajaran Seni Visual yang dapat meningkatkan kemahiran keusahawanan dalam kalangan murid. Seterusnya, kajian ini juga bertujuan untuk mengkaji keberkesanan penggunaan Buku Panduan Elemen Merentas Kurikulum Keusahawanan melalui analisis terhadap aktiviti keusahawanan seni yang dijalankan berdasarkan indikator yang ditetapkan.

Penerapan elemen ini diharapkan dapat membudayakan elemen keusahawanan dalam kalangan murid serta potensi untuk mereka memilih kerjaya sebagai usahawan kelak selaras dengan hasrat DSN2030 yang telah digariskan di peringkat nasional.

## 1.5 Objektif Kajian



Objektif Kajian adalah seperti berikut:

- i. Mengenal pasti kesediaan guru dalam menggunakan Buku Panduan Elemen Merentas Kurikulum Keusahawanan dalam PdPc bagi perlaksanaan pendekatan keusahawanan.
- ii. Mencadangkan aktiviti PdPc Seni Visual (secara formal dan tidak formal) berdasarkan Buku Panduan Elemen Merentas Kurikulum Keusahawanan yang dapat meningkatkan kemahiran keusahawanan dalam kalangan murid.
- iii. Mengkaji keberkesanan penggunaan Buku Panduan Elemen Merentas Kurikulum Keusahawanan menerusi aktiviti pengajaran dan pembelajaran seni visual.





## 1.6 Persoalan Kajian

Kajian ini dijalankan adalah untuk menjawab persoalan berikut:

- i. Adakah guru bersedia menggunakan Buku Panduan Elemen Merentas Kurikulum Keusahawanan dalam menerapkan nilai keusahawanan semasa pengajaran dan pembelajaran?
- ii. Apakah aktiviti pengajaran dan pembelajaran Seni Visual yang dapat meningkatkan kemahiran keusahawanan dalam kalangan murid berdasarkan Buku Panduan Elemen Merentas Kurikulum Keusahawanan?
- iii. Bagaimanakah keberkesanan penggunaan Buku Panduan Elemen Merentas Kurikulum Keusahawanan pembelajaran Seni Visual diuji?



## 1.7 Kepentingan Kajian

Dapatan hasil kajian yang dijalankan diharapkan akan dapat memberi manfaat kepada pihak pihak tertentu seperti berikut:

- i. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) -
  - a) Mengkaji keberkesanan penggunaan Buku Panduan Elemen Merentas Kurikulum Keusahawanan dalam matapelajaran Pendidikan Kesenian komponen Seni Visual.
- ii. Guru Pendidikan Seni





- a) Hasil kajian diharap mampu menjadi panduan kepada guru dalam merancang strategi yang terbaik untuk menerapkan elemen merentas kurikulum keusahawanan kepada murid menerusi aktiviti pengajaran dan pembelajaran Seni Visual.

iii. Murid

- a) Salah satu daripada kemahiran insaniah yang diperlukan oleh murid-murid adalah dapat memberikan kesedaran tentang kepentingan kemahiran dalam bidang keusahawanan.
- b) Berdasarkan sukatan pelajaran yang disediakan kepada murid, mereka dapat mengamalkan elemen keusahawanan, memiliki sikap yang bermoral serta beretika tinggi, menghasilkan produk berdasarkan skop kemahiran, mendapatkan ilmu dan kemahiran asas dalam skop perniagaan serta dapat berfikir ke arah menghasilkan sesuatu idea baharu.

### 1.8 Definisi Istilah

Definisi istilah adalah berperanan dalam menghuraikan istilah atau maksud yang ada dalam kajian ini sebagaimana berikut:





### 1.8.1 Keberkesanan

Menurut Kamus Dewan edisi keempat (2007), keberkesanan merujuk kepada kesimpulan yang dihajati, akibat atau penghasilan kesan daripada perspektif pentadbir dan penyelidik. Selain itu, keberkesanan juga bermaksud penggunaan sumber secara maksimum bagi meningkatkan kualiti dan jumlah hasil yang dikeluarkan mengikut kadar ukuran yang telah ditetapkan.

Dalam kajian ini, sumber yang ingin diuji ialah keberkesanan Penggunaan Buku Panduan Elemen Merentas Kurikulum Keusahawanan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Kesenian komponen Seni Visual Tahun 3.



### 1.8.2 Kemahiran Keusahawanan

Kemahiran Keusahawanan merujuk kepada keupayaan dan minat untuk membangunkan kesedaran dan meneroka peluang terhadap inovasi, kreativiti dan risiko, dan dalam aktiviti berkaitan dan pekerjaan perniagaan.

Dalam konteks kajian ini, pengkaji merujuk sepenuhnya elemen kemahiran keusahawanan berdasarkan Buku Panduan EMK-Keusahawanan-KSSR 2012

### 1.8.3 Pendidikan Seni

Pendidikan Seni di dalam sistem pendidikan formal negara bermaksud program pendidikan yang bersistem, terancang dan boleh diukur prestasinya bagi memenuhi





keperluan individu dan aspirasi negara. Hal ini merangkumi idea-idea yang dicetuskan melalui lukisan, ukiran dan pelbagai kemahiran tangan yang lain yang diadunkan daripada pengalaman murid dan apa yang telah dipelajari.

Dalam konteks kajian ini, pengkaji menggunakan sepenuhnya Dokumen Standard Kurikulum Dan Pentaksiran (DSKP) Kurikulum Standard Sekolah Rendah Semakan 2017 Pendidikan Kesenian Komponen Pendidikan Seni Tahun 3 yang diterbitkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

#### **1.8.4 Murid**

Murid adalah komponen manusia yang menempati posisi sentral dalam pendidikan atau biasanya disebut dengan peserta didik. Dalam proses pengajaran dan pembelajaran, murid sebagai pihak yang ingin menyelesaikan kurikulum dan dalam upaya mencapai tujuan atau cita-cita. Dalam undang-udang pendidikan, murid merupakan entiti yang paling penting dari sistem pendidikan, sehingga indikator keberhasilan atau tidaknya dunia pendidikan adalah keberhasilan atau kegagalan murid setelah menempuh proses pendidikan.

Dalam konteks kajian ini, murid yang difokuskan adalah murid berusia sembilan tahun yang berada dalam Tahun Tiga sesi persekolahan bagi Tahun 2019 di SK Batu Balai.





## 1.9 Skop Kajian

Tumpuan Kajian ini adalah terhadap penerapan kemahiran keusahawanan dalam kalangan murid Tahun 3 di SK Batu Balai. Kajian ini hanya menumpukan kepada 5 Elemen Merentas Kurikulum yang terkandung dalam Buku Panduan Elemen Merentas Kurikulum Keusahawanan. Elemen tersebut adalah seperti berikut

### 1.9.1 Pendedahan dan amalan kepada sikap keusahawanan (EK1)

Antara sikap keusahawanan yang ingin diterapkan di dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran adalah bertanggungjawab terhadap keputusan, peka kepada peluang, berani mengambil risiko yang dianggarkan, boleh membina jaringan sosial, daya ketabahan yang tinggi, toleransi terhadap ketidaktentuan yang tinggi, berdaya tahan, berorientasikan pencapaian, berkeupayaan memimpin, kesanggupan belajar daripada kesilapan, berorientasikan masa hadapan, keinginan kepada maklum balas segera, fleksibiliti, daya kreativiti dan inovasi (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012).

### 1.9.2 Latihan Cara Berfikir ke Arah Keusahawanan (EK2)

Latihan cara berfikir merangkumi sembilan kaedah penting iaitu meneruskan kualiti idea; penyesuaian keperluan masyarakat dan persekitaran dengan idea baharu; pelaksanaan idea ke arah pembentukan produk teknologi konkret atau abstrak; penilaian idea secara kritis dalam konteks yang bersesuaian; penambahbaikan idea atau inovasi; pemilihan idea terbaik daripada beberapa idea; penghasilan idea





berdasarkan pemerhatian; analisis pemerhatian secara kreatif dan kritis; pemerhatian persekitaran dengan tujuan tertentu (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012).

### **1.9.3 Pengurusan Asas Jual Beli yang Mudah (EK3)**

Kemahiran pengurusan asas jual beli yang mudah ini melibatkan proses-proses tertentu seperti, a) menilai pelaksanaan projek, b) memantau projek, c) melaksanakan projek mengikut langkah-langkah yang telah disediakan, dan d) merancang sesuatu projek dengan teliti (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012).

### **1.9.4 Menghasilkan Produk berdasarkan Pengetahuan serta Kemahiran dan Teknologi (EK4)**



Melalui elemen ini, murid-murid mampu menghasilkan dan mencipta produk yang berkualiti dan berdaya saing menerusi teknik pembelajarannya, serta berdasarkan pengetahuan vokasional dan teknologi mengikut kreativiti mereka. Asas kemahiran dan pengetahuan dalam vokasional serta teknologi dapat digunakan dalam a) menghasilkan produk menerusi kepelbagai sumber/sumber kitar semula/sumber alternatif, b) penghasilan produk yang sama menerusi teknologi yang berbeza, c) penghasilan produk berdasarkan teknologi dan vokasional (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012).





### 1.9.5 Nilai Moral dan Etika yang Baik dalam Konteks Keusahawanan (EK5)

Bagi penerapan nilai moral dan etika yang baik dalam konteks keusahawanan, terdapat lima prinsip yang diberikan penekanan, iaitu; pertama, prinsip tanggungjawab sosial: perniagaan tidak boleh menyebabkan kemudaratian kepada manusia dan alam sekitar, merangkumi; i) Tidak menyalahgunakan kuasa dan sumber, ii) Menjaga kesejahteraan masyarakat dan persekitaran dari aspek emosi individu dan fizikal. Kedua, prinsip keadilan, iaitu tidak memilih kasih, tidak menindas, dan mengamalkan perniagaan yang adil. Ketiga, prinsip hak manusia, iaitu amalan menghormati hak manusia dan tidak menghalang hak orang lain. Keempat, prinsip autonomi, iaitu perniagaan tidak boleh menafikan hak memilih individu. Seseorang itu perlu menghormati cara hidup orang lain dan menghargai kepelbagaian manusia.



Kelima, prinsip ketelusan, iaitu menjalankan perniagaan yang tidak mengelirukan serta menyatakan yang benar (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012).

### 1.10 Batasan Kajian

Terdapat beberapa batasan kajian yang dijalankan. Batasan kajian tersebut adalah seperti berikut:

- i) Dalam melaksanakan kajian, pengkaji memilih SK Batu Balai sebagai sekolah yang akan dijalankan kajian. Sekolah ini dikategorikan sebagai sekolah luar bandar yang terletak di mukim Damak dalam daerah Jerantut. Lokasi ini dipilih berdasarkan peranan pengkaji sebagai guru pendidikan seni di sekolah tersebut. Salah satu faktor pemilihan sekolah ini juga adalah kerana SK Batu Balai



merupakan salah sebuah sekolah rendah yang terlibat dalam Program Transformasi Sekolah 2025(TS25). Program Transformasi Sekolah merupakan sebahagian daripada usaha Kementerian Pendidikan Malaysia ke arah melahirkan modal insan unggul melalui, a) Komitmen komuniti yang padu, b) Guru yang kompeten dan beraspirasasi tinggi, c) Sokongan kepimpinan yang berkualiti/berwawasan, dan d) Persekutuan pembelajaran yang menyeronokkan.

Cadangan pelaksanaan TS25 KPM telah diluluskan menerusi Mesyuarat Majlis Ekonomi Bil. 2/2015 pada 19 Januari 2015, yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri. Program Transformasi Sekolah bertujuan untuk, a) Mengaplikasi konsep dan amalan PdP terbaik, b) Membangunkan kepakaran dalaman melalui latihan yang komprehensif dan berstruktur kepada pembimbing pedagogi serta pembimbing kepimpinan, c) mengutamakan kemenjadian murid agar dapat membangunkan persekitaran pembelajaran yang berkesan.

- ii) Kajian hanya tertumpu kepada 30 orang murid darjah tiga yang berusia sembilan tahun. Mereka terdiri daripada 18 orang murid perempuan dan 12 orang murid lelaki daripada pelbagai jenis latar belakang keluarga.
  
- iii) Dapatkan kajian bergantung sepenuhnya kepada maklum balas guru yang terlibat dalam kajian melalui temu bual dan pemerhatian yang akan dijalankan



- iv) Kajian ini dijalankan dalam 20 waktu Pdpc Seni Visual merangkumi 18 jam secara formal dan 2 jam secara tidak formal sepanjang tempoh 3 bulan. Pembelajaran formal dijalankan dalam sesi Pdpc didalam kelas manakala 2 jam diperuntukkan bagi persediaan murid untuk aktiviti jualan hasil seni.

## 1.11 Rumusan

Bab ini telah diuraikan tentang perkara asas dalam rangkuman kajian ini, merangkumi latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, skop kajian dan lain-lain. Bab seterusnya akan membincangkan kajian literatur yang berkaitan merangkumi aspek penerapan kemahiran Seni Visual dalam kalangan Pelajar Sekolah, penerapan kemahiran Keusahawanan dalam kalangan pelajar sekolah dan Institusi Pengajian Tinggi (IPT), persediaan para guru, pendekatan pengajaran dan pembelajaran, faktor kejayaan penerapan kemahiran keusahawanan, halangan dan cabaran dan lain-lain.

